



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 5/2010**

**PENYERAGAMAN KADAR CUKAI TANAH BAGI SEKOLAH BANTUAN
MODAL DAN SEKOLAH PERSENDIRIAN DALAM NEGERI SEMBILAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai makluman kepada semua Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penyeragaman kadar cukai tanah bagi sekolah bantuan modal dan sekolah persendirian dalam Negeri Sembilan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 20.08.1986 telah bersetuju supaya semua sekolah rendah dan sekolah menengah yang menerima bantuan modal serta sekolah-sekolah lain di Negeri Sembilan di bawah kawalan Kementerian Pelajaran termasuk sekolah-sekolah 'missionary' dikecualikan daripada bayaran cukai tanah. Dengan adanya keputusan ini maka segala cukai tanah serta denda lewat yang belum dibayar oleh semua sekolah yang berkenaan dihapuskan.

- 2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan bertarikh 3.11.1999 telah mengambil maklum keputusan Majlis Tanah Negara untuk menyelaraskan kadar cukai tanah Sekolah Bantuan Modal di seluruh negara sebanyak RM1.00 bagi satu hakmilik. Walaubagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan memutuskan dan bersetuju supaya keputusan pada 20.08.1986 dikekalkan.
- 2.3 Bagi melaksanakan keputusan Majlis Tanah Negara yang ke-55 tersebut, permohonan remisyen cukai tanah bagi sekolah Bantuan Modal perlu dibuat melalui Borang PTG.NS.1/2000. Permohonan dikemukakan melalui Pentadbir Tanah Daerah pada atau sebelum akhir Februari setiap tahun dan diajukan kepada Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan untuk kelulusan.
- 2.4 Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 26.5.2010 telah bersetuju agar cukai tanah bagi Sekolah Bantuan Modal dan Sekolah Persendirian dalam Negeri Sembilan diseragamkan kepada RM1.00 (satu ringgit) mulai tahun 2010 dan endosan perlu dibuat ke atas hakmilik-hakmilik yang berkenaan. Kadar ini akan berkuatkuasa selama hakmilik tersebut digunakan bagi tujuan pendidikan sahaja atau sehingga suatu dasar baru diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mana lebih awal.
- 2.5 Kerajaan Negeri bersedia memberi pelepasan kepada mana-mana Sekolah Bantuan Modal atau persendirian yang mempunyai tunggakan cukai namun perlu membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah Daerah.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Dibatalkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 3.11.1999 berkenaan Cadangan Pelarasan Cukai Tanah Tapak Sekolah Bantuan Penuh Bukan Milik Kerajaan (Sekolah Bantuan Modal).
- 3.2 Diluluskan pengendorsan penyeragaman cukai tanah bagi Sekolah Bantuan Modal yang mempunyai hakmilik sahaja dan terletak di luar tanah ladang/estet kepada satu kadar nominal RM1.00 (satu ringgit) mulai tahun 2010 dan endosan perlu dibuat ke atas hakmilik-hakmilik yang berkenaan. Keputusan ini juga merangkumi Sekolah Persendirian yang tidak berunsurkan keuntungan seperti di Lampiran A. Kadar ini akan berkuatkuasa selama hakmilik tersebut digunakan bagi tujuan pendidikan sahaja atau sehingga suatu dasar baru diputuskan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang mana lebih awal.
- 3.3 Sekiranya ada di kalangan Sekolah Bantuan Modal atau persendirian tersebut yang mempunyai tunggakan cukai, permohonan hapuskira perlu dibuat kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui Pentadbir Tanah Daerah.
- 3.4 Sekiranya ada di kalangan Sekolah Bantuan Modal atau persendirian yang telah membayar cukai tahun 2010 pada kadar penuh, pembayaran balik boleh dibuat atas permohonan pemilik berdaftar bagi tapak tanah tersebut.

4. TARIKH KUATKUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.



(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)

Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 9 Jun 2010
Rujukan : (49)dlm. PTG.NS 10/14 Klt. 2

Senarai Edaran

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban

Port Dickson

Tampin

Kuala Pilah

Rembau

Jelebu

Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)

Penolong Pengarah (HM/S)

Penolong Pengarah (P/HM)

Penolong Pengarah (H)

Penolong Pengarah (P)

Penolong Pengarah (PT)

Penolong Pengarah (TM)

Penolong Pengarah (U)

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan

Y.B Pegawai Kewangan Negeri Sembilan

LAMPIRAN A

**SENARAI SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH
PERSENDIRIAN DI NEGERI SEMBILAN**

BIL	NAMA SEKOLAH	ALAMAT SEKOLAH	NAMA PENGETUA	NO. TEL/ FAX
1.	SEKOLAH RENDAH ISLAM SEREMBAN(SRI)	120, JLN DATO' KELANA MAAMOR, 70200 SEREMBAN	PN. KHAIRANI BT. MOKHTAR	06-7633777 06-7633777
2.	SEKOLAH TINGGI CHUNG HUA SEREMBAN	JLN. TUN DR. ISMAIL, 70200 SEREMBAN	DR. SUA SIN ZANG	06-7612782 06-7621890
3.	SEKOLAH MENENGAH CHUNG HUA P. DICKSON	71000 PORT DICKSON, N. SEMBILAN	EN. CHAI SEONG SHIH	06-6471282 06-6472899
4.	SEKOLAH TINGGI METHODIST(P)	JLN. LEE SAM, 70000 SEREMBAN	CHOR SWEE MENG	06-7620068 06-7618790
5.	SEKOLAH MENENGAH SRI SETIA	120, JLN. DATO' KELANA MAAMOR, 70200 SEREMBAN,	TN HJ. BADROL HISHAM B. AHMAD	06-7644585 06-7633777
6.	SEKOLAH TINGGI ISLAM AS-SOFA	KG. BKT. SEMBILAN, KM 35, JLN. SEREMBAN TAMPIN, 71350 KOTA, REMBAU	PN. NIK NORZILAWATI RAJA AHMAD	06-4450419 06-4450363